

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO.17

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi membangunkan industri Aeroangkasa di negara ini bagi membuka lebih banyak peluang keusahawanan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah menjalankan beberapa inisiatif di dalam usaha memantapkan pembangunan industri Aeroangkasa di Malaysia. Pihak Kementerian melalui agensinya, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan Program "*Aerospace Manufacturing Initiative : Developing SMEs in Global Aerospace Manufacturing Industry (AMI)*" yang bertujuan membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan industri Aeroangkasa global.
2. Pelaksanaan program ini selaras dengan Dasar Keusahawanan Negara (DKN) yang memfokuskan industri Aeroangkasa sebagai *game changer* yang akan memacu ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Program AMI ini juga selaras dengan Pelan Induk Industri Aeroangkasa dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai hab pengilang peralatan Aeroangkasa di Asia Tenggara pada 2030.
3. PKS yang dikenalpasti di bawah Program AMI ini diberi bantuan dalam bentuk pembangunan kapasiti serta bantuan kewangan bagi meningkatkan keupayaan masing-masing. Tiga (3) elemen penting di bawah kerangka pelaksanaan Program AMI adalah:
 - i. Transformasi Organisasi – menambahbaik pengurusan dalaman PKS terlibat terutamanya di dalam pengurusan sistem kualiti syarikat, pengubahsuaian prosedur dan peningkatan pengurusan proses pembuatan; selaras dengan piawaian ketat di dalam industri Aeroangkasa
 - ii. Strategi Pemasaran - membangunkan strategi pemasaran PKS terutama penglibatan di dalam pameran dan persidangan antarabangsa bagi mendedahkan PKS tentang selok belok pasaran Aeroangkasa di peringkat global.

- iii. Roadmap Teknologi – Peningkatan penggunaan teknologi terkini oleh PKS terpilih; selaras dengan pelaksanaan aplikasi Industri 4.0 di dalam industri Aeroangkasa

- 4. Sehingga bulan September 2019, sebanyak tiga puluh (30) PKS telah menyertai Program AMI di bawah SME Corp. Hasil daripada program ini sangat menggalakkan dengan jumlah jualan sebanyak RM58.9 juta dijana, manakala Permintaan untuk Cadangan (RFP) dari syarikat *Tier-1* dan *Tier-2* pada tahun 2017 dan 2018 mencapai 1,281 permohonan. Selain itu, PKS terlibat telah memperoleh pensijilan sistem pengurusan kualiti yang diperlukan seperti persijilan AS9100 untuk memenuhi syarat menjadi pengeluar sumber komponen Aeroangkasa.

- 5. Pada masa ini Kementerian telah menyenaraikan sektor Aeroangkasa sebagai salah satu sektor untuk dibangunkan di bawah Program Pembangunan Vendor (PPV) untuk mewujudkan ekosistem industri Aeroangkasa yang akan melibatkan lebih banyak usahawan dan vendor-vendor tempatan berpeluang untuk meneroka pasaran perniagaan berskala sederhana dan besar termasuk sebagai vendor kepada syarikat Aeroangkasa berpengaruh di dunia seperti Boeing, Airbus, Bombardier dan banyak lagi.

Sekian, terima kasih.
